

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 16 JULAI 2016

## MBSA perbaharui kontrak kutipan sampah

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menambah baik kontrak yang ditawarkan kepada 24 Kontraktor Kutipan Sampah Domestik Sesi 2016-2019.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, beberapa perubahan pada kontrak baharu berbanding kontrak sebelum ini yang telah ditambah baik adalah seperti kekerapan kutipan bagi rumah jenis 'landed' diubah dari tiga kali seminggu kepada empat kali seminggu.

"Kutipan sisa domestik di premis seperti industri se-sebuah, industri teres, berkembar dan hotel juga akan dilaksanakan dengan kekerapan kutipan lima kali seminggu, ia adalah bagi mengatasi masalah pembuangan sampah haram," katanya.

Beliau berkata, pihak kontraktor juga perlu menyediakan bilangan lori kompaktor mengikut bilangan dan

spesifikasi ditetapkan.

"Pada masa sama, lori kompaktor ini juga perlu dipasang dengan alat Automatic Vehicle Locating System (AVLS) bagi memudahkan pemantauan pergerakan lori-lori tersebut.

"Kos pemasangan alat tersebut dianggarkan RM1,000 hingga RM3,000 manakala sewa untuk sistem pemantauan itu pula dianggarkan kira-

kira RM160 sebulan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Serahan Surat Tawaran Kontrak Kepada Kontraktor Kutipan Sampah Sisa Domestik MBSA, di sini, semalam.

Menurutnya, pihak kontraktor juga perlu membersihkan kebuk sampah di kawasan komersial dan rumah bertingkat.

Dalam kontrak baru ini,

pihak kontraktor juga perlu menyediakan tong sampah MGB120 liter untuk setiap unit 'landed house' di kawasan kontrak dalam tempoh enam bulan bermula dari tarikh lantikan kontraktor.

"MBSA akan bayar kos tong sampah tersebut kepada kontraktor setelah selesai proses penyediaan dan penghantaran tong ke premis yang telah ditetapkan," katanya.

Ahmad Zaharin berkata, MBSA juga melaksanakan penilaian demerit iaitu penilaian prestasi setiap kontraktor berdasarkan skala Notis Tindakan Pembetulan (NTP) bagi memastikan kontraktor yang dilantik memenuhi standard dan piawaian ditetapkan majlis.

"MBSA akan mengenakan tindakan lebih tegas kepada kontraktor yang dilantik dan penamatan kontrak akan

dibuat dengan segera sekiranya kontraktor didapati gagal mematuhi syarat yang ditetapkan MBSA," katanya.

Dalam perkembangan sama, 24 kontraktor dilantik pada 1 Julai lalu telah menjalankan tugas di 24 zon yang ditetapkan, manakala satu zon kerja kutipan sampah sisa domestik akan dilaksanakan secara dalaman oleh kakitangan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBSA iaitu melibatkan Seksyen 10, 11 dan 12.

**“Kos pemasangan alat tersebut dianggarkan RM1,000 hingga RM3,000 manakala sewa untuk sistem pemantauan itu pula dianggarkan kira-kira RM160 sebulan.”**

- Ahmad Zaharin

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN  
TARIKH : 16 JULAI 2016



Ahmad Zaharin (duduk, tengah) bersama kontraktor yang dilantik bagi kutipan sampah domestik sesi 2016-2019.